

Headline	Penyambung seni warisan budaya		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	324,097
Page No	M16	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	821 cm ²
Journalist	Nor Faizah Mohamed	AdValue	RM 30,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 90,965



Penyambung seni warisan budaya

Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@mediaprima.com.my

Usia tidak pernah menjadi halangan untuk seseorang melakukan apa yang diinginkan. Usia juga bukanlah ukuran dalam menentukan pencapaian seseorang.

Bagi Shazrin Zainurin, usia nyata tidak memburukkan justifikasi kepada apa yang dilakukannya ketika ini.

Pada usia 17 tahun, remaja kecil molek ini beberapa kali muncul juara pertandingan seni, khususnya teater dan tari di peringkat sekolah, negeri malah kebangsaan.

Di saat rakan sebayanya masih ralit dalam keseronokan alam remaja, Shazrin mula merencana laluan hidupnya dengan penampilan lebih besar di pentas seni.

Ikuti temu bual santai bersama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS, Seremban, Negeri Sembilan, ini mengenal kehidupannya sebagai penyambung seni warisan budaya kala bertandang ke Balai Berita, baru-baru ini.

Soalan (S): Bagaimana dan sejak bilakah anda berminat menyertai bidang seni teater?

Jawapan (J): Mula-mula tidak berminat dan tidak begitu faham apa itu teater. Saya mula berjinak-jinak ketika berusia 10 tahun kerana menyertai kelab teater di sekolah.

Ketika itu setiap pelajar digalakkan menyertai sekurang-kurangnya satu kelab sebagai aktiviti kurikulum tambahan, jadi saya sertainya kerana lihat kelab teater ini berbeza dengan kelab lain yang kebanyakannya lebih menjurus kepada aktiviti fizikal.

Apabila sudah mencuba, saya mula rasa seronok kerana saya berpeluang memainkan pelbagai watak. Seorang tenaga pengajar khas dari Jabatan Kebudayaan Negeri Sembilan dibawa untuk membantu kami dan kami diajar perkara asas membabitkan lakonan.

Daripada sekadar ingin mencuba, saya akhirnya seronok menyertainya dan meneruskan pembabitkan dalam kelab teater hingga ke sekolah menengah.

Saya juga sebenarnya seorang yang pemalu dan tidak mampu melakukan pengucapan awam. Tapi menerusi kelab teater ini, saya mula peroleh keyakinan dan secara perlahan-lahan

berupaya bercakap di khidmat ramai.

Kini saya bukan saja tidak takut berucap di pentas malah mula menyertai beberapa pertandingan pengucapan awam peringkat sekolah.

S: Teater lazimnya disertai wanita dan tidak ramai lelaki yang berminat apatah lagi dalam kalangan remaja. Apa pendapat anda?

J: Tidak ramai pelajar lelaki yang menyertai kelab teater ini dulu, justeru ia memberi kelebihan kepada pelajar lelaki sedia ada. Ramai lelaki tidak berminat mungkin kerana mereka rasa teater ini tidak mencabar bagi

mereka. Mereka lihat kurangnya aktiviti laskak membabitkan fizikal seperti yang diketengahkan kelab lain.

Pada awalnya ada juga yang mencemooh saya dengan mengatakan kelab teater ini tidak memperlihatkan keuletakan atau kejantanan seseorang tapi saya sifatkan tahap kejantanan seseorang lelaki itu bukan hanya pada keupayaan fizikalnya malah mental dan perwatakannya.

Bagi saya, teater mengajar saya mengenali diri dan memperbaiki personaliti serta sedikit sebanyak mempengaruhi daya pemikiran saya.

S: Bagaimana pula dengan penerimaan keluarga anda?

J: Keluarga tidak pernah menghalang malah menyokong minat saya. Kami hadir daripada keluarga seni yang mana datuk dan nenek sebelah ibu saya adalah anak seni di Pulau Pinang.

Datuk saya, Ahmad Salleh, adalah pencipta lagu Lodeh Mat Lodeh (dendangan Zaharah Agus) manakala nenek, Timah Mat, bekas penari kebudayaan Pulau Pinang.

Abang saya, Shahrin, pula melanjutkan pelajaran di Aswara dalam jurusan seni. Mereka tidak pernah halang tapi pada masa sama, ibu sering mengingatkan saya mengenai pelajaran.

S: Sudah berapa banyak penampilan anda di pentas teater setakat ini?

J: Hingga kini, saya tampil dalam enam produksi teater dan satu filem pendek yang rata-ratanya dipentaskan di Negeri Sembilan. Setiap tahun, saya juga sertai pertandingan tari kebudayaan peringkat negeri dengan mempersembahkan gerakan tari seperti randai, bongai dan tumbuk kalang.

Bah Tilot adalah produksi teater paling besar pernah saya sertai yang dipentaskan pada 29 dan 30 Disember lalu. Ia terbitan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sembilan yang diarahkan Khamsah Abdullah. Teater ini menyaksikan saya kembali ke zaman kanak-kanak, di mana saya perlu lakonkan watak kanak-kanak berusia 12 tahun ketika saya sendiri berusia 16 tahun.

Walaupun ia tidak jauh bezanya dengan umur sebenar, saya masih perlu lakukan kajian sebelum membawakannya kerana ia membabitkan peralihan sifat dan kelakuan pada watak itu.

Pengarah, rakan pelakon serta kru produksi banyak membantu membarikan tunjuk ajar, di samping abang saya. Mereka banyak membantu mencorakkan gaya penampilan saya di pentas.

Alhamdulillah sambutan yang kami terima mengagumkan. Dewan penuh dengan penonton dan saya tak sangka masih ramai masyarakat yang menyokong seni tradisional ini.

S: Siapakah idola seni anda dan teater? Apakah filem yang anda minati?

J: Saya mengagumi hasil kerja U-Wei Sharif. Selain itu, saya jadikan Imam Muda Asyraf sebagai contoh dan mahu berjaya seperti mereka.

Filem Bunohan, Forrest Gump dan The Curious Case of Benjamin Button adalah antara karya yang saya minati.

S: Anda bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada hujung tahun ini. Apakah cita-cita sebenar anda? Adakah mahu menjadi anak seni sepenuh masa?

J: Sejak dulu saya berminat menjadi pensyarah khususnya dalam bidang tamadun Islam. Untuk menjadi anak seni sepenuh masa



FOTO: MUNIRA ABULGHANI

"Teater mengajar saya mengenali diri dan memperbaiki personaliti serta sedikit sebanyak mempengaruhi daya pemikiran saya"
Shazrin Zainurin

itu mungkin agak mustahil tapi saya mahu jadikan bidang teater sebagai salah satu cabang dakwah.

Saya merancang menyambung pelajaran di Aswara selepas SPM tapi semuanya bergantung kepada keputusan dan keadaan ketika itu.

Buat masa ini, saya kurangkan sedikit pembabitkan dalam teater untuk beri tumpuan pada pelajaran. Biasanya lepas habis sekolah, saya ke perpustakaan untuk belajar.

Saya tak suka belajar di rumah kerana banyak gangguan, jadi perpustakaan jadi lokasi tumpuan.

S: Apa aktiviti lain yang anda lakukan atau sertai selain teater?

J: Seperti remaja lain, saya masih melakukan perkara seperti bermain bola, menonton televisyen atau sekadar melepak.

Disebabkan saya mula menghadkan pembabitkan dalam teater buat masa ini, saya berpeluang mempelajari pulsi tradisional, teromba dan beberapa cabang seni lain.

Tapi tidaklah sampai menyertai pertandingan, sekadar menambah pengetahuan dan mengisi masa lapang.

